



Abang Johari merasmikan upacara pecah tanah hotel sambil disaksikan tetamu kehormat.

UCSI maju setapak

Kumpulan UCSI melebarkan lagi sayapnya di Sarawak dengan perasmian upacara pecah tanah Hotel UCSI, sebuah hotel yang berkonsepkan eko yang akan dibina di Isthmus, sebuah pusat perniagaan di Kuching, Sarawak.

Pelancaran Hotel UCSI Kuching ini akan menyerahkan lagi jenama UCSI di Sarawak setelah 16 tahun operasinya dalam bidang pendidikan.

Dilengkapi dengan ciri-ciri teknologi hijau, hotel 15 tingkat ini bakal menjadi bangunan hijau dengan sijil GBI (Green Building Index) apabila siap nanti.

Ini diakui oleh Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg sambil memuji komitmen yang diberikan oleh UCSI dalam membawa masuk pembangunan dan kemahiran yang memberikan kemajuan kepada Sarawak terutamanya dalam industri hospitaliti dan pelancongan.

Beliau juga menambah, pelancaran ini menunjukkan keyakinan UCSI terhadap negeri Sarawak.

"Pembinaan hotel baru ini tepat pada masanya, sejajar dengan pembangunan pesat di negeri Sarawak sekaligus memberikan impak yang besar kepada perkembangan ekonomi negeri," katanya..

Abang Johari mewakili Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dalam majlis pelancaran pecah tanah Hotel UCSI bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCCCK).

Sementara itu, Pengasas dan pengerusi Kumpulan UCSI, Datuk Peter Ng pula berkata, hotel UCSI Kuching sememangnya direka dengan inspirasi teknologi hijau.

"Sebagai negeri terbesar di Malaysia, Sarawak mempunyai kepelbagaian yang amat istimewa. Ciri-ciri alam semulajadi yang dimiliki oleh negeri ini digabungkan di dalam reka cipta moden hotel UCSI."

Merangkumi kawasan binaan 300,000 meter persegi di atas tanah seluas 2.5 ekar di pusat perniagaan terbaharu Kuching, Hotel UCSI akan mempunyai 168 bilik.

Antara ciri-ciri teknologi hijau yang digunakan oleh hotel ini adalah struktur luarannya yang menyerupai bentuk sirip yang akan melindungi bangunan hotel untuk meminimalkan cahaya solar, penggunaan air sungai untuk mengurangkan suhu kira-kira 2°C daripada suhu sebenar, pengudaraan bahagian lobi secara semulajadi yang akan dibantu oleh corong-corong angin dan sistem penuaian air hujan yang berdaya maju.

Keseluruhan projek ini akan menelan belanja sekitar RM120 ke RM150 juta.